

baik tetapi kepada cara berdoa iaitu dengan hati yang ikhlas lagi khusyu' dan orang yang berdoa itu hendaklah taat setia mengerjakan perintah Tuhan dan menjauhkan larangan-Nya.

Anak Cina

'Umar Hussain, Klang bertanya: Apa hukumnya anak Cina (Musyrik) yang dipelihara oleh orang Islam dari kecilnya tiba-tiba mati sebelum baligh, bolehkah ditanam secara Islam?

Jawab: Wajib ditanam secara Islam, kerana semua kanak-kanak – anak Islam atau anak kafir – yang belum baligh masih bersih; tidak menanggung dosa seperti yang diterangkan oleh hadis sahih:

“Mā min mawlūd illa yūlad ‘alā al-ḥiṭrah, fa abawāhu yuhawwidānihi aw yunaṣṣirānihi aw” (R. al-Bukhārī wa Muslim)

Ertinya: “Tidak seorang anak pun melainkan diperanakkan atas kesucian semulajadi, maka ibu bapalah yang meyahudikannya atau menasranikannya atau memajusikannya”

Nyata di dalam hadis ini tidak dibezakan di antara kanak-kanak Islam atau kanak-kanak kafir. Lebih jelas lagi seperti yang tersebut di dalam hadis yang sebuah lagi ini:

“‘An Samrah, ‘an al-Nabiyyu ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam, qāla: Kullu mawlūd yūlad ‘alā al-ḥiṭrah, fanādahu al-nās: Ya Rasulullāh wa awlād al-mushrikīn? Qāla: Wa awlād al-mushrikīn”. (R. Abū Bakr al-Barqānī)

Ertinya: Daripada Samrah, daripada Nabi (S.A.W) sabdanya: “Tiap-tiap anak diperanakkan atas kesucian semulajadi” Sahabat-sahabat pun bertanya: “Ya Rasulullah? Adakah anak-anak musyrik demikian juga?” Nabi menjawab: dan anak-anak musyrik

demikian juga!”

lebih tegas lagi hadis “Hasan” yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad ini:

“‘An Khansā’ binti Mu‘āwiyah bin Ṣarīm ‘an ‘ammaturah qālat qultu: Ya Rasulullāh man fī al-jannah? Qāla: Al-Nabiyyu fī al-jannah wa al-shahīd fī al-jannah wa al-mawlūd fī al-jannah”.

Ertinya: “Daripada Khansā binti Mu‘āwiyah bin Ṣarīm daripada ibu saudaranya, katanya: Aku pernah bertanya: Ya Rasulullah! Siapakah dalam syurga?” Lalu Nabi menjawab: “Nabi di dalam syurga, orang yang mati syahid di dalam syurga, dan kanak-kanak di dalam syurga.”

Setelah jelas bahawa kanak-kanak musyrik itu bersih daripada dosa dan tempatnya di dalam syurga, maka kanak-kanak musyrik yang dipelihara oleh orang-orang Islam wajib diurus secara Islam apakala ia meninggal dunia sama seperti kanak-kanak Islam sendiri, yakni disembahyangkan dan dikuburkan dalam perkuburan Islam.

Sambungan dari muka 5

jalan beragama kerana dengan membuka akal dan fikiran itulah sahaja dapat menguatkan perdirian dan keyakinan mereka. Dengan itu sahajalah nanti, jika diusahakan, kita akan melihat pemuda-pemuda Islam tidak gentar menghadapi maut, menghadapi atom bom kerana memperjuangkan kalimah Allah *Hiya al-‘Ulyā* dan mempunyai keyakinan yang tidak berganjak bahawa hidup dan mati mereka adalah semata-mata kerana mencari keredhaan Allah!

Wahai ulama! insafilah – janganlah kita menghabiskan masa kita dalam masalah-masalah itu sahaja sedang tanggungan menyakinkan pemuda-pemuda kita kepada Allah terbiar. Mudah-mudahan Allah memberi tawfiq dan hidayah kepada kita bersama untuk menegakkan kemuliaan agama kita – Amin.